

Kita akan terus perjuangankan nasib rakyat Palestin— Syed Hamid

UMF 4 APR 2002

KUALA LUMPUR 3 April — Malaysia akan terus memperjuangkan nasib rakyat Palestin di arena antarabangsa khususnya menerusi pengaruh yang dimainkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan pemimpin-pemimpin dunia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, permintaan Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Palestin sendiri agar Malaysia membantu menghentikan kekejaman tentera Israel, menunjukkan kepercayaan yang diberikan terhadap Malaysia dalam memimpin usaha itu.

Beliau percaya Dr. Mahathir, dengan pendiriannya yang terbuka akan menyuarakan pegangan OIC dan Palestin itu.

“Perdana Menteri telah pun memulakan proses ini semasa berjumpa dengan Presiden George W. Bush di Shanghai, di mana beliau menyatakan yang Amerika Syarikat sebagai penaja proses damai perlu memainkan peranan untuk menentukan perdamaian dicapai di Palestin,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menutup Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di sini, hari ini.

Menurut Syed Hamid, mesej yang sama dibawa oleh Dr. Mahathir semasa mengadakan lawatan ke Rueia, Jerman dan Poland, bulan lepas.

“Kita tidak boleh membiarkan pembunuhan berterusan dan penyingkiran Presiden Yasser Arafat oleh Israel kerana apa hak dia (Israel) untuk berbuat demikian dalam wilayah Palestin,” katanya.

Semalam, Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi meminta Perdana Menteri menggunakan pengaruhnya di arena antarabangsa untuk membantu menghalang kekejaman tentera Israel di buminya yang amat kritikal.

Kaddoumi percaya Dr. Mahathir dapat meminta Presiden Bush bertindak segera mengarahkan Israel berundur.

Menurut Syed Hamid lagi, Malaysia boleh berbangga kerana teraju kepimpinan negara diterima oleh dunia Islam dan di peringkat antarabangsa.